From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ICTOM 2026 BUKA TIRAI DI PULAU PINANG
Date: Tuesday, 15 September, 2026 1:14:04 AM
Attachments: image001.png
image004.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

15 SEPTEMBER 2026 / 3 RABIULAKHIR 1448H
==========

UUM ONLINE:

Berita oleh: Nur Laila Binti Ibrahim
Gambar oleh: Ahmad Fasil Solihin bin Mohd Azlam

ICTOM 2026 BUKA TIRAI DI PULAU PINANG



UUM ONLINE: Pulau Pinang, 7 September 2026 – International Conference on Technology and Operations Management 2026 (ICTOM 2026) secara rasmi membuka tirainya di Cititel Hotel, Pulau Pinang, menghimpunkan ahli akademik, penyelidik, pemain industri dan peserta dari dalam serta luar negara dalam usaha memperkukuh perkongsian ilmu dan kerjasama dalam bidang teknologi, operasi, logistik dan inovasi kejuruteraan.

Majlis perasmian ICTOM 2026 telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Ram Al Jaffri Saad. Bertemakan “Sustainable Futures: AI-Driven Management of Technology, Operations, Logistics and Engineering Innovation,” ICTOM 2026 mengetengahkan kepentingan teknologi dan kecerdasan buatan dalam membentuk masa depan pengurusan, operasi dan kejuruteraan yang lebih cekap, inovatif serta mampan.

Persidangan anjuran School of Technology Management and Logistics (STML), Universiti Utara Malaysia itu dilaksanakan dengan kerjasama antarabangsa bersama Prince of Songkla University (PSU), Thailand dan Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Indonesia.



ICTOM 2026 mencatat satu pencapaian penting apabila berjaya menghimpunkan 3 Plenary Speaker, 4 Keynote Speaker, 20 Invited Spekaer dan 112 peserta, sekali gus memperlihatkan sambutan yang memberangsangkan terhadap penganjuran persidangan tersebut pada peringkat antarabangsa.

Penganjuran tahun ini juga membawa signifikan tersendiri apabila persidangan yang sebelum ini dikenali sebagai Conference on Technology and Operations Management (CTOM) kini berkembang ke peringkat antarabangsa melalui penjenamaan sebagai International Conference on Technology and Operations Management (ICTOM).

Transformasi tersebut mencerminkan komitmen STML dalam memperluaskan jaringan akademik dan industri serta menyediakan platform yang lebih luas kepada penyelidik dan pengamal profesional untuk bertukar pandangan, membentangkan hasil penyelidikan dan meneroka peluang kerjasama baharu.





Dalam ucapannya, Prof. Dr. Ram turut menekankan bahawa kerjasama yang telah terbina antara UUM, PSU dan ITS melalui ICTOM perlu diteruskan dan diperkukuh dari semasa ke semasa. Menurut beliau, kolaborasi antara ketiga-tiga institusi tersebut bukan sahaja memperluas jaringan akademik dan penyelidikan, malah berpotensi membuka lebih banyak peluang kerjasama antarabangsa pada masa hadapan.

Beliau turut mencadangkan agar kesinambungan ICTOM diteruskan menerusi penganjuran edisi seterusnya di Prince of Songkla University, Thailand, dengan penglibatan berterusan UUM dan ITS sebagai rakan strategik. Pendekatan ini diharap dapat memperkukuh ICTOM sebagai platform serantau yang mampu menghimpunkan kepakaran, idea dan jaringan antarabangsa secara berterusan.

Sebagai simbolik kepada hubungan erat antara institusi yang terlibat, majlis pembukaan turut menyaksikan upacara pertukaran cenderamata antara UUM selaku host dengan PSU dan ITS selaku co-host. Pertukaran cenderamata tersebut mencerminkan penghargaan serta komitmen bersama dalam memperkukuh hubungan akademik, penyelidikan dan kerjasama institusi di peringkat serantau.





Majlis pembukaan turut diserikan dengan persembahan Boria oleh murid-murid Sekolah Kebangsaan Bandar Baru, Pulau Pinang, yang membawa elemen seni dan budaya tempatan serta menambah kemeriahan suasana persidangan. Selain sesi pembukaan, ICTOM 2026 turut menampilkan sesi plenari, forum, pembentangan penyelidikan, sesi poster dan pelbagai aktiviti ilmiah yang melibatkan pakar akademik serta wakil industri dari Malaysia dan negara serantau.

Penganjuran ICTOM 2026 diharap dapat terus menjadi platform strategik dalam menghubungkan penyelidikan, teknologi dan keperluan industri, selain memperkukuh kedudukan UUM, PSU dan ITS dalam membina ekosistem kerjasama akademik antarabangsa yang lebih mampan.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.